

CABARAN PELAKSANAAN PENGAJARAN TERBEZA DALAM PENDIDIKAN

[CHALLENGES IN IMPLEMENTING DIFFERENTIATED TEACHING IN EDUCATION]

NURUL IZZATI NOOR AZLAN^{*1} & NURFARADILLA MOHAMAD NASRI¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Correspondent Email: P144931@siswa.ukm.edu.my

Received: 24 June 2025

Accepted: 26 July 2025

Published: 20 August 2025

Abstrak Pelaksanaan pengajaran terbeza bukanlah suatu pendekatan yang asing dalam dunia pendidikan global. Pendekatan ini wujud bagi memenuhi keperluan murid yang berbeza-beza dalam sesebuah bilik darjah selaras dengan pembelajaran abad ke-21. Pelbagai kajian telah dijalankan bagi mengenal pasti keupayaan murid berdasarkan minat, kecenderungan serta gaya pembelajaran murid. Model Pengajaran Terbeza menekankan kandungan, proses, produk dan persekitaran yang berperanan dalam membentuk pembelajaran murid. Teori Kecerdasan Pelbagai menyokong prinsip asas pengajaran terbeza yang menumpukan kepada sembilan aspek utama seperti intrapersonal, kinestetik, verbal-linguistik, naturalis, eksistensial, logik-matematik, visual-ruang, muzik dan interpersonal. Namun, keberkesanan pendekatan ini bergantung kepada tahap pengetahuan dan kesediaan guru untuk melaksanakannya terhadap kepelbagaian murid. Cabaran yang timbul menyukarkan proses pengajaran dan pembelajaran berlaku secara menyeluruh. Sehubungan itu, objektif kertas konsep ini adalah untuk membincangkan cabaran yang dihadapi guru dalam melaksanakan pengajaran terbeza serta mencadangkan strategi yang bersesuaian bagi menangani isu-isu yang telah dikenal pasti.

Kata Kunci: pengajaran terbeza, cabaran, strategi, Model Pengajaran Terbeza, Teori Kecerdasan Pelbagai.

Abstract: Differentiated instruction is not a foreign concept in today's global education scene. It has become an essential approach to meet the varied needs of students in the classroom to support the demands of 21st-century learning. Every student learns differently through different interests, strengths and learning styles. Many studies have explored how to support these differences effectively. The Differentiated Teaching Model focuses on four aspects that are content, process, product and learning environment to help teachers truly engage all types of learners. Supporting this model is Howard Gardner's Theory of Multiple Intelligences which highlights nine distinct ways people learn including intrapersonal, bodily-kinesthetic, linguistic, naturalist, existential, logical-mathematical, visual-spatial, musical and interpersonal. These intelligences remind us that there's no one-size-fits-all in education. However, putting differentiated instruction into practice isn't always easy. Its success depends heavily on how well teachers understand the concept and how ready they are to adapt their teaching. Therefore, this concept paper aims to explore the challenges teachers face in implementing differentiated instruction into practice and to suggest practical strategies that can help overcome these challenges effectively.

Keywords: differentiated teaching, challenges, strategy, Differentiated Teaching Model, Theory of Multiple Intelligence.

Cite This Article:

Nurul Izzati Noor Azlan & Nurfaradilla Mohamad Nasri. (2025). Cabaran Pelaksanaan Pengajaran Terbeza Dalam Pendidikan [Challenges In Implementing Differentiated Teaching In Education]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 5(4): 47-57.

Pengenalan

Sistem pendidikan di Malaysia terus mengalami perkembangan seiring dengan arus globalisasi masa kini. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil serius terhadap perubahan dalam sistem pendidikan negara bagi memastikan pembangunan murid secara menyeluruh. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2023-2025) telah menekankan 11 anjakan utama menjadi garis panduan dalam memacu sistem pendidikan dalam meningkatkan mutu pendidikan setanding negara maju lain. Selain itu, pelaksanaan Program Transformasi Sekolah (TS25) turut menyokong usaha merealisasikan potensi murid dan kecemerlangan sekolah melalui khususnya dalam aspek pedagogi guru. Perkara ini selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (2018) yang menyeru agar matlamat pendidikan dapat dicapai dengan kerjasama semua warga pendidikan.

Bagi meningkatkan penguasaan mata pelajaran murid, sistem pendidikan negara telah memperkenalkan pengajaran terbeza turut dikenali sebagai *Differentiated Teaching* (Zamri, Ruslin & Mohamed Amin, 2018). Konsep pengajaran ini wajar diterapkan dalam kalangan guru kerana kandungan pelajaran dapat diubah suai mengikut kepada gaya belajar setiap murid. Dalam hal ini, Abdul Razaq et al. (2010) berpandangan bilangan jumlah murid yang ramai dengan latar belakang yang berbeza seperti tempat tinggal, jantina dan budaya dapat mempengaruhi suasana sesebuah bilik darjah di sekolah. Oleh itu, objektif proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dirancang oleh guru dapat dicapai dengan baik.

Secara umumnya, pelaksanaan pengajaran terbeza bukan suatu strategi pengajaran yang asing dalam pendidikan. Pendekatan ini telah diusulkan oleh pihak KPM setelah mendapati sesetengah murid tidak mampu untuk menguasai tajuk pembelajaran yang dijalankan di dalam talian sepanjang proses PdP ketika pandemik Covid-19 berlaku. Pendekatan ini juga menjadi suatu medium untuk membantu murid yang berbeza-beza aras memenuhi keperluan mereka (Zurina, Zaharah & Abdul Muhsien, 2021). Kesyediaan murid yang merangkumi prestasi, kecekapan dan ilmu sedia ada juga mempengaruhi kepelbagaian murid di samping gaya pembelajaran dan minat mereka (Mazen & Malak, 2019). Justeru, menjadi tuntutan kepada guru untuk memastikan keperluan murid yang pelbagai diambil kira dalam merancang sesebuah PdP yang berkesan.

Kemampuan guru dalam menerapkan pendekatan pengajaran terbeza dapat memberikan impak terhadap tahap penguasaan dan pencapaian murid dalam proses PdP (Safiek, 2021). Sebelum melaksanakan pendekatan ini dalam pengajaran, aspek-aspek tertentu perlu diteliti oleh guru (Ain, 2022). Perkara ini turut disokong oleh Suleyman (2019) bahawa hasil pembelajaran yang berkesan dapat diwujudkan dalam suasana pembelajaran yang menyeluruh sekiranya rancangan pengajaran disediakan melibatkan murid berlainan aras pengetahuan. Oleh itu, konsep pendekatan terbeza perlulah memahami serta mempunyai kesyediaan untuk melaksanakan pendekatan ini terhadap murid-murid dalam proses PdP seharian (Puzio, Colby & Algeo-Nicholas, 2020). Sousa dan Tomlinson (2011) berpendapat bahawa kepelbagaian

dinamik murid dalam sesebuah bilik darjah dapat diraikan melalui pelaksanaan pengajaran terbeza. Perkara ini penting kerana strategi ini menunjukkan implikasi yang baik terhadap pencapaian akademik mereka.

KAJIAN LITERATUR

Pelaksanaan Pengajaran Terbeza Dalam Pendidikan

Konsep pengajaran terbeza yang mudah dibentuk dapat dilaksanakan di dalam bilik darjah dengan penyesuaian mengikut minat, kesediaan dan profil pembelajaran di dalam sesebuah bilik darjah. Guru dapat mengubah suai pelaksanaan pengajaran ini berpandukan empat perkara iaitu proses, hasil, persekitaran dan kandungan. Hall (2002) menyifatkan pengajaran terbeza perlu diamalkan melalui kepelbagaian murid merangkumi aspek bahasa, kesediaan, pengetahuan, minat, maklum balas serta perhatian yang diberikan agar murid mempunyai pilihan untuk memperoleh maklumat. Justeru, guru perlu meneliti aspek perbezaan setiap murid dalam pembelajaran agar dapat dijalankan secara menyeluruh (Rathaneswaary & Ruhizan, 2022).

Roa'ani dan Nor Rul Azlifah (2021) berpendapat bahawa pengajaran terbeza berjaya menyelesaikan masalah murid tercicir dalam pembelajaran. Halida dan Zamri (2021) pula mendapati jurang dalam kalangan murid sekolah rendah dalam penguasaan membina ayat berbahasa dapat dirapatkan melalui kaedah pengajaran ini. Motivasi dan pencapaian akademik murid juga menunjukkan peningkatan setelah melaksanakan pengajaran terbeza (Wilma & Faridah, 2018). Hal ini menunjukkan pendekatan ini mampu memberikan impak positif terhadap keseluruhan diri murid.

Seterusnya, kajian yang berkaitan aspek demografi juga menghasilkan dapatan yang pelbagai. Guru baharu di sekolah rendah pedalaman mempunyai aras pengetahuan yang tinggi terhadap pendekatan ini (Azlin Wetty & Wan Muna Ruzanna, 2024). Hal ini menunjukkan meskipun berkhidmat jauh dari kawasan bandar, ramai guru novis dalam perkhidmatan telah didedahkan dan mempunyai asas tentang pendekatan pengajaran terbeza. Seterusnya, Ainnieda dan Nor Azwahanum (2023) menyatakan guru bahasa Melayu lelaki mahupun perempuan mempunyai tahap pelaksanaan yang tiada beza terhadap pembelajaran terbeza dalam pengajaran kemahiran membaca sekolah rendah di Bintulu.

Model Pengajaran Terbeza

Pengajaran terbeza ialah satu teori pedagogi yang menumpukan terhadap kepelbagaian murid bagi memenuhi keperluan pembelajaran mereka dengan menyesuaikan proses PdP mengikut gaya pembelajaran dan minat mereka. Carol Ann Tomlinson merupakan seorang pendidik terkenal yang juga pakar dalam pengajaran terbeza. Beliau telah memperkenalkan model ini bagi memfokuskan terhadap penyesuaian pengajaran ini berlandaskan keperluan murid yang berbeza-beza dengan mengenal pasti keperluan, kecenderungan dan kaedah pembelajaran mereka (Tomlinson, 2001).

Brigandi, Gilson dan Miller (2019) menjelaskan pengubahsuaian isi pembelajaran perlu dilaksanakan. Contohnya guru mestilah menyesuaikan kandungan pembelajaran murid dengan tajuk yang ditetapkan seperti menyesuaikan tajuk, kebolehan atau konsep secara umum berdasarkan keupayaan mereka untuk belajar. Hal ini signifikan bagi memastikan guru dapat menyediakan bahan yang bertepatan dengan murid. Misalnya, jika sesetengah murid mempunyai aras kognitif yang tinggi terhadap tajuk yang dipelajari maka komponen pengajaran yang bersifat sukar perlu disediakan guru kepada kumpulan tersebut dan begitu juga untuk kumpulan yang sebaliknya.

Guru juga hendaklah mempelbagaikan mekanisme pengajaran bagi memenuhi keperluan murid yang berbeza aras dalam sesebuah proses PdP. Dalam konteks ini, kelompok kecil, kelompok sederhana besar atau penglibatan semua murid boleh dibentuk oleh guru bagi memastikan kandungan pembelajaran yang pelbagai dapat dijalankan dengan berkesan (Brigandi, Gilson & Miller, 2019). Corak pembelajaran murid perlu diberi perhatian oleh guru juga seperti minat atau jenis pembelajaran mereka (Gregory & Chapman, 2013). Sebagai contoh, murid digalakkan mencari maklumat melalui internet, membuat peta minda, membina model serta menemu ramah ahli komuniti setempat dalam menjalankan suatu projek Sejarah. Hal ini bagi memudahkan guru untuk menentukan arah kecerdasan pembelajaran murid sama ada kinestetik, visual-ruang, intrapersonal atau kecerdasan lain (Fordyce, 2021).

Dalam model ini, bahagian produk merujuk kepada cara murid untuk menyampaikan hasil kefahaman mereka terhadap kandungan pembelajaran yang telah ditunjukkan oleh guru. Produk juga bermaksud sumber yang disediakan berkaitan tahap kefahaman murid melalui penyampaian kandungan pengajaran guru. Perkara ini mengambil kira cara murid untuk menunjukkan visualisasi yang merangkumi konsep, kemahiran dan strategi yang telah mereka pelajari (Kelly, Glenn & Dana, 2020). Dalam konteks ini, murid bebas untuk memilih cara yang dikehendaki mereka untuk menyatakan pemahaman mereka seperti menghasilkan buku skrap, menyediakan teks, melalui paparan slaid atau wawancara (Maker & Shiever, 2005). Namun, maklum balas murid melalui soal jawab tidak dikira sebagai produk kerana tidak memfokuskan kepada pencapaian akhir murid yang dapat dilihat selepas proses PdP seperti persembahan, projek dan ujian (Tomlinson, 2014). Bahan pembelajaran yang diberikan haruslah berlainan mengikut keinginan belajar murid berdasarkan tahap penerimaan, daya tarikan dan corak pembelajaran bagi memudahkan penilaian terhadap produk yang dipersembahkan oleh murid. Berdasarkan model ini, aspek terakhir ini ialah unsur persekitaran yang berkaitan dengan keadaan dan struktur bilik darjah yang merangsang kepada proses pembelajaran. Kualiti pendidikan bukan sahaja dinilai daripada mata pelajaran diajar dan tahap pencapaian yang dicapai tetapi juga terhadap persekitaran pembelajaran yang diwujudkan kepada murid (Azza & Puspitasari, 2020). Iklim pembelajaran yang kondusif seperti penyediaan sudut bacaan, sudut pembelajaran interaktif atau rutin yang berstruktur mampu menarik minat murid terhadap pembelajaran. Hal ini disokong oleh Tomlinson dan B. Imbeau (2014) bahawa persekitaran juga mempunyai hubung kait terhadap pergaulan sosial murid melalui susunan kerusi dan meja serta pencahayaan yang dapat memberi sokongan terhadap pembelajaran murid.

Secara ringkasnya, model ini menjadi model pegangan yang utama bagi melaksanakan pengajaran terbeza terhadap dinamik murid di sekolah rendah. Perkara ini mustahak kerana guru mampu untuk mengadaptasikan semua aspek pendekatan ini iaitu proses, persekitaran,

produk dan kandungan berlandaskan keperluan, kecenderungan dan kaedah pembelajaran mereka agar dapat membantu mereka mencapai objektif pembelajaran secara menyeluruh. Malahan, guru juga dapat menumpukan rancangan pengajaran berdasarkan keupayaan murid melalui kecenderungan kecerdasan pembelajaran mereka.

Teori Kecerdasan Pelbagai

Howard Gardner telah mengemukakan Teori Kecerdasan Pelbagai menunjukkan bahawa kepintaran individu tidak hanya bergantung oleh satu elemen sahaja malah dapat berkembang melalui suasana, pengetahuan dan penglibatan. Teori yang diperkenalkan memfokuskan sembilan aspek kecerdasan dalam diri manusia iaitu intrapersonal, kinestetik verbal-linguistik, naturalis, eksistensial, logik-matematik, visual-ruang, muzik dan interpersonal (Gardner, 1983). Jia (2020) menekankan pengaruh positif dapat dilahirkan dalam pembelajaran murid berdasarkan kepentingan kecerdasan pelbagai yang diamalkan.

Kecerdasan verbal-linguistik merupakan kecenderungan belajar murid melalui penjelasan secara verbal, minat terhadap aktiviti linguistik, uji minda serta gemar terhadap puisi dan prosa (Risky et al., 2020). Barrington (2007) menjelaskan bahawa gaya pembelajaran kecerdasan logik-matematik pula merujuk kepada aspek pemikiran kritikal, membuat hubungan kait dalam penyelesaian isu dan pantas mengira yang lebih cenderung terhadap matematik dan saintifik.

Sharifah Nasyura (2018) menyatakan visual-ruang pula menunjukkan murid yang lebih terdorong kepada pembelajaran berbentuk imej serta garisan, menzahirkan maklumat dalam bentuk gambar dan memiliki kemahiran berimajinasi yang tinggi. Di samping itu, kecerdasan kinestetik pula menyerlahkan murid lebih berkeinginan terhadap aktiviti yang melibatkan pergerakan badan yang cekap secara berkumpulan seperti lakonan, tarian dan aktiviti sukan (Risky et al., 2020).

Unsur muzik adalah sedikit berlainan kerana kecerdasan ini dimiliki oleh semua murid namun pada aras yang berbeza. Norizah, Abu Bakar dan Zaharah (2014) menerangkan bahawa setiap murid mempunyai kecerdasan muzik pada bakat yang berbeza. Contohnya, terdapat murid yang cenderung kepada pembelajaran muzik secara lisan manakala terdapat juga murid yang lebih gemar kepada tarian yang mempunyai latar belakang muzik. Bagi murid dengan cara pembelajaran intrapersonal pula lebih akrab dengan diri individu itu sendiri dengan memahami perasaan sendiri, yakin dengan kemampuan diri dan sentiasa berusaha menambah baik kekuatan dan kelemahan diri. Mereka lebih selesa belajar bersendirian dan lebih kepada pemerhatian dalam pembelajaran. Namun, kecerdasan interpersonal pula ialah memiliki empati terhadap perasaan orang lain untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Murid dengan kecenderungan interpersonal lebih gemar aktiviti pembelajaran dalam kumpulan untuk meningkatkan fokus mereka (Muzarina, Ku Zarina & Mohd Izwan, 2019).

Kecerdasan naturalis pula merupakan gaya pembelajaran yang lebih dekat dunia semula jadi melibatkan flora dan fauna serta bahan cari gali yang banyak tertumpu di luar bilik darjah. Muzarina et al. (2019) berpendapat gaya pembelajaran dengan kecerdasan eksistensial lebih gemar meluangkan masa dengan bacaan buku-buku falsafah, bermonolog berkaitan penyoalan tentang kematian dan berupaya memberi jawapan yang mendalam dan spesifik.

Secara idealnya, teori ini dapat menyokong guru untuk merancang proses PdP yang berkesan dengan meraikan kepelbagaian gaya pembelajaran murid dalam bilik darjah. Dalam konteks ini, guru mestilah meningkatkan usaha untuk mengenal pasti gaya belajar setiap murid agar murid dapat lebih seronok ketika belajar sekali gus memudahkan guru untuk memastikan tujuan pembelajaran dapat diterima semua murid.

Cabaran Pengajaran Terbeza

Sistem pengasingan murid telah dimansuhkan oleh KPM menyebabkan murid dari pelbagai kemahiran, aras dan gaya pembelajaran ditempatkan dalam satu bilik darjah yang sama (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Dalam konteks ini, aspek yang mencabar dalam pengajaran guru ialah membuat pertimbangan kepada murid yang berbeza-beza. Ain Nur Atika (2022) menyatakan bahawa cabaran kepelbagaian murid ini perlulah dihadapi oleh guru.

Kajian Yunaini et al. (2024) menunjukkan bahawa pengajaran terbeza masih berada pada tahap permulaan dan dilaksanakan secara tidak konsisten. Hal ini demikian kerana pendekatan ini hanya diberi pendedahan secara teori semata-mata. Kajian Gaitas et al. (2022) pula menunjukkan bahawa pemahaman guru terhadap konsep pengajaran terbeza yang sebenar masih berada di tahap yang rendah. Dalam hal ini, guru didapati hanya menggunakan pendekatan ini dalam situasi tertentu sahaja iaitu apabila murid tidak dapat menjalankan aktiviti utama, ketika pentaksiran formatif dan aktiviti melibatkan eksperimen. Perkara ini membuktikan bahawa pendekatan ini hanya digunakan untuk membantu murid yang lemah dan bukan sebagai strategi utama dalam aspek pembelajaran.

Dapatan Economidou Stavrou (2024) menjelaskan bahawa guru bertanggungjawab pendekatan ini akan membuatkan keadaan kelas sukar untuk dikawal oleh guru kerana pembelajaran individu yang berbeza-beza. Dalam konteks ini, guru menyatakan kerisauan mereka terhadap penilaian ke atas setiap individu dalam bilik darjah bagi mengelakkan berlakunya ketidakadilan ketika menggunakan pendekatan ini. Kajian Obrovská et al. (2024) menjelaskan guru pelatih menghadapi kesukaran dalam mengaplikasikan prinsip pengajaran terbeza secara menyeluruh kerana kurikulum universiti tidak berasaskan pengalaman sebenar di bilik darjah. Tambahan pula, mereka tidak diberikan rangka kerja sistematik atau pendedahan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan pelajar yang pelbagai.

Selain itu, Muhamad Furkan et al. (2022) pula menunjukkan cabaran pelaksanaan pengajaran terbeza dalam kalangan guru di sekolah menengah adalah disebabkan faktor masa. Hal ini demikian kerana guru perlu menyediakan bahan yang sesuai bagi setiap murid dalam proses PdP yang memerlukan tempoh waktu yang lama. Penyediaan bahan juga tidak dapat dilakukan disebabkan kesibukan guru terhadap tuntutan tugas lain seperti pengkeranian dan pendokumentasian (Heng & Song 2020). Mohd Ikhwan dan Azlina (2019) pula menyatakan bahawa tempoh masa yang terhad menyebabkan guru tidak mampu melaksanakan pengajaran terbeza secara maksimum. Perkara ini secara jelas menyatakan bahawa guru mempunyai tugas lain selain dari menjalankan proses PdP.

Di samping itu, masalah lain yang timbul ialah penghasilan bahan bantu mengajar yang sesuai kepada semua murid. Faktor kewangan menjadi suatu halangan bagi guru dalam menyediakan bahan dan keperluan pengajaran bagi pendekatan ini (Mohd Ikhwan & Azlina,

2019). Hal ini selari dengan kajian Suleyman (2019) bahawa kekurangan kemudahan yang mencukupi bagi melaksanakan pengajaran terbeza mewujudkan kesukaran dalam kalangan guru.

Pelaksanaan pengajaran terbeza yang gagal akan menyebabkan murid mudah hilang fokus dengan proses PdP yang berlaku kerana tidak memenuhi objektif pembelajaran mereka (Safiek, 2021). Hal ini akan mewujudkan impak negatif terhadap sikap mereka seperti mudah bosan dan tiada interaksi antara murid dan guru secara dua hala. Keadaan ini menimbulkan masalah yang lebih berat seperti keciciran maklumat yang dapat menjejaskan prestasi akademik mereka. Heng dan Song (2020) juga berpendapat pengajaran terbeza akan dapat menunjukkan cara seseorang guru menangani konsep baharu dalam pendidikan seperti saiz kelas, norma sosial seperti kawalan kelas dan pembelajaran berpusatkan murid.

Bagi mengatasi cabaran dalam mengimplementasikan pengajaran terbeza dalam kalangan guru, terdapat tiga cadangan daripada Smets dan Struyven (2020) iaitu guru perlu mempunyai kompetensi yang tinggi merangkumi mempunyai maklumat dan kecekapan pengajaran terbeza dengan menyeluruh, guru perlu mahir mengaplikasikan kemahiran komunikasi agar dapat menyampaikan maklumat secara berkesan dan guru hendaklah sentiasa bersikap proaktif dan positif ketika menjalankan pengajaran bagi menangani cabaran yang timbul sepanjang pengajaran dijalankan. Oleh itu, proses PdP yang berlaku dapat mewujudkan kepuasan melibatkan kedua-dua pihak iaitu guru dan murid.

Pelaksanaan Berkesan Terhadap Pengajaran Terbeza

Pengajaran terbeza memberi impak positif bukan sahaja terhadap pembelajaran murid malah terhadap pengajaran guru juga. Namun, kesannya tidak dapat dilihat dengan jelas sekiranya guru masih kurang pengetahuan terhadap pendekatan ini. Perkara ini selari dengan keperluan kepada peningkatan kemahiran secara berterusan melalui program pembangunan profesional (Hoon & Rohaizat, 2024). Justeru, bengkel dan latihan secara terarah perlulah dilaksanakan oleh pihak sekolah bagi meningkatkan kompetensi guru terhadap pengajaran terbeza. Norazly et al. (2022) menerangkan bahawa latihan yang diberikan kepada guru seharusnya selari dengan perubahan dasar dan polisi pendidikan semasa agar pelaksanaannya lebih berkesan. Oleh itu, latihan ini perlulah diteliti kepada guru baharu sebagai latihan tambahan atau latihan lanjutan kepada guru yang lebih berpengetahuan.

Selain itu, aspek sumber dan prasarana juga perlu diambil berat dalam melaksanakan pendekatan ini. Pihak KPM seharusnya memberi fokus terhadap perkara ini dengan mengenal peruntukan yang sewajarnya terhadap penyediaan sumber pendidikan di sekolah. Pihak sekolah juga boleh meningkatkan jalinan dan jaringan dengan pihak luar seperti badan bukan kerajaan (NGO) serta komuniti setempat untuk memperoleh dana tambahan bagi keperluan sumber pembelajaran dalam kalangan murid. Kerjasama antara KPM dan agensi swasta merupakan pendekatan terbaik untuk mempercepatkan pembangunan infrastruktur teknologi pendidikan (Mohd Shazlan dan Khairul Azhar, 2024). Hal ini penting kerana infrastruktur yang lengkap dapat menjadi medium bagi membantu pembelajaran murid yang pelbagai.

Akhir sekali, sokongan daripada komuniti sekeliling juga dapat memudahkan pelaksanaan pendekatan ini dengan lebih mudah. Komuniti digital dapat ditubuhkan melalui

kumpulan *Whatsapp* atau *Telegram* seiring dengan perkembangan teknologi bagi memudahkan guru berkongsi pendapat atau bertukar maklumat tentang cara pelaksanaan pengajaran terbeza yang lebih berkualiti dalam kalangan guru sekolah bukan sahaja di peringkat daerah malah melibatkan peringkat negeri. Hal ini selari dengan kajian Kulaksiz (2023) bahawa pendekatan praxeological iaitu menekankan hubungan demokratik dan penglibatan aktif guru dalam mewujudkan suasana sokongan yang kondusif. Justeru, guru seharusnya meningkatkan pengetahuan melalui perbincangan dan interaksi bersama rakan sejawat yang lain.

KESIMPULAN

Keperluan pelaksanaan pengajaran terbeza bergantung kepada kepelbagaian murid dilihat sebagai cabaran kepada guru dalam mengembangkan potensi murid secara menyeluruh. Latar murid dari pelbagai aspek ini memerlukan penelitian yang terperinci untuk setiap murid. Justeru, menjadi keutamaan guru untuk memahami keperluan murid dengan dalam usaha mengatasi cabaran minat murid yang berlainan aras melalui amalan pelaksanaan pengajaran terbeza. Pendekatan ini memberi peluang kepada penerimaan murid daripada setiap aras kognitif dalam mewujudkan keadilan terhadap pengalaman pembelajaran yang optimum dan bermakna.

RUJUKAN

- Abdul Razaq Ahmad, Anisa Saleha, Zalizan Mohd Jelas, & Ahmad Ali Seman. 2010. Kepelbagaian pelajar dan sekolah: satu kajian kes di negeri pahang. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2): 87–95.
- Ain Nur Atika Agus. 2022. Masalah dihadapi oleh guru bahasa melayu dalam melaksanakan pendekatan terbeza dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 12(1): 50-62.
- Ainnieda Lataq Impak & Nor Azwahanum Nor Shaid. 2023. Pembelajaran terbeza dalam pengajaran kemahiran membaca sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan* 5(1): 205-216.
- Azlin Wetty Anak Kiding & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. 2024. Pengetahuan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru novis bahasa melayu di sekolah rendah pedalaman negeri sarawak. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6(1): 576-585.
- Azza Salsabila & Puspitasari. 2020. Faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi belajar siswa sekolah dasar. *Jurnal Pendidikan dan Dakwah*, 2(2): 278-288. <https://ejournal.stitpn.ac.id/index.php/pandawa>.
- Barrington, E. 2007. Teaching to student diversity in higher education: how multiple intelligence theory can help. *Teaching in Higher Education*, 9(4): 421-434. <https://doi.org/10.1080/1356251042000252363>.
- Brigandi, C. B., Gilson, C. M., & Miller, M. 2019. Professional development and differentiated instruction in an elementary school pullout program: a gifted education case study.

- Journal for the Education of the Gifted*, 42(4).
<https://doi.org/10.1177/0162353219874418>
- Economidou Stavrou, N. E. 2024. Embracing diversity through differentiated instruction in music education. *Frontiers in Education*, 9, Article 1229440.
<https://doi.org/10.3389/feduc.2024.1229440>.
- Fordyce, F. D. 2021. *Teachers' Perceptions of Differentiation and The Struggle for Consistent Implementation*. Walden University.
- Gardner, H. 1983. *Frames Of Mind. The Theory of Multiple Intelligences*. New York.
- Gaitas, S., et al. 2022. Teachers' beliefs and practices in inclusive classrooms. *European Journal of Special Needs Education*, 37(1): 1–14.
- Gregory, G. H., & Chapman, C. 2013. *Differentiated Instructional Strategies: One Size Doesn't Fit All*. SAGE Publications Ltd.
- Halida Jawan & Zamri Mahmod. 2021. Kaedah dan cabaran pengajaran terbeza dalam meningkatkan penguasaan membina ayat bahasa Melayu murid sekolah rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1): 67-77.
- Hall, T. 2002. Differentiated instruction: Effective classroom practices report. *National Center on Accessing the General Curriculum, US Office of Special Education Programs*.
- Heng, T. T., & Song, L. 2020. A proposed framework for understanding educational change and transfer: insights from Singapore teachers' perception of differentiated instruction. *Journal of Educational Change*, 21: 595-622.
- Hoon, C. W. A. & Rohaizat Ibrahim. 2024. Isu dan cadangan terhadap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran: persepsi guru. *International Journal of Advanced Research in Education and Society* 6(3): 800-815.
- Jia J. X. 2020. Identifying students self-perceived multiple intelligence preferences: the case of students from Heilongjiang International University, China. *Arab World English Journal*, 11(2).
- Kelly, P., Glenn, T. C., & Dana, A.-N. 2020. Differentiated literacy instruction: boondoggle or best practice? *Review of Educational Research*, 90(4): 459-408.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 - 2025. In *KPM*, 27(1). <https://doi.org/10.1016/j.tate.2010.08.007>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2018. *Info media, menjana maklumat pendidikan* (Issue 06).
- Kulaksız, T. 2023. Praxeological learning approach in the development of pre-service EFL teachers' TPACK and online information-seeking strategies. *Int J Educ Technol High Educ* 20(52).
- Maker, C. J., & Shiever, S. W. 2005. *Teaching Models in Education on the Gifted* (3rd edition). Pro Ed.
- Mazen, M. K., & Malak, A. A. 2019. The influence of differentiated instruction on academic achievement of students in mixed ability classrooms. *International Linguistic Research*, 2(2): 8-28.
- Mohd Ikhwan, H. I., & Azlina, A. A. 2019. TS25 school teachers' perception of differentiated learning in diverse esl classroom. *Journal of Education and Social Sciences*, 12(1): 95-107.

- Mohd Shazlan Shahudin & Khairul Azhar Jamaludin. Kepentingan dan cabaran pelaksanaan kurikulum pendidikan seni visual sekolah rendah menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 6(1): 33-47.
- Muhamad Furkan, M. S., Rose, A. A., Rohaida, M. S., & Mohamad Hisyam, I. 2022. Malaysian chemistry teachers' challenges to practice differentiated instruction in classroom. *Malaysian Online Journal of Educational Sciences*, 10(2): 58-69.
- Muzarina Juhari, Ku Suhaila Ku Johari, & Mohd Izwan Mahmud. 2019. Kecerdasan pelbagai dan minat kerjaya dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *Global Conferences Series: Social Sciences, Education and Humanities*, 1(9): 133–141.
- Norazly Nordin, Mohd Shawani Ahmad Sabri, Jasman Nurdin, Noor Nadhirah Rossli & Siti Syazwani Zulkuple. Analisis keperluan latihan pembangunan profesionalisme guru tadika islam berdasarkan perspektif guru. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial* 5(16): 1-8.
- Norizah Tukiman, Abu Bakar Nordin, & Zaharah Hussin. 2014. Peningkatan kemahiran menghafaz surah dan doa kanak-kanak prasekolah melalui pendekatan berasaskan teori kecerdasan pelbagai. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(1): 114–129.
- Obrovská, J., Svojanovsky, P., Kratochvilová, J., Lojdová, K., Tama, F. & Vlcková, K. (2024) Promises and challenges of differentiated instruction as pre-service teachers learn to address pupil diversity, *Journal of Education for Teaching*, 50(3): 403-420, DOI: 10.1080/02607476.2023.2247356
- Puzio, K., Colby, G. T., & Algeo-Nichols, D. 2020. Differentiated literacy instruction: boondoggle or best practice? *Review of Educational Research*, 90(4): 459-498.
- Rathaneswaary Derbla & Ruhizan M. Yasin. 2022. Tahap pengetahuan, penerimaan, kesediaan dan amalan pengajaran guru pemulihan khas terhadap pengajaran terbeza. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4): 1-20.
- Risky Setiawan, Djemari Mardapi, Aman, & Umum Budi Karyanto. 2020. Multiple intelligences-based creative curriculum: the best practice. *European Journal of Educational Research*, 9(2): 611–627. <https://doi.org/10.12973/eu-jer.9.2.611>.
- Roa'ani Mohamed & Nor Rul Azlifah Zulkafali. 2021. Keberkesanan pendekatan pedagogi terbeza (ppt) dalam pdpc bahasa Melayu kelas peralihan: satu kajian tindakan di sebuah sekolah di kuantan. *Journal of Sciences and Management Research*: 68-86.
- Safiek Mokhlis. 2021. Persepsi dan pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru prasekolah: satu tinjauan awal. *Borneo International Journal* 4(3): 9-18.
- Sharifah Nasyura. 2018. Hubungan Kecerdasan Pelbagai Guru Sains dengan Kemahiran Berfikir Pelajar. *Universiti Putra Malaysia*, 3(21): 51–63.
- Smets, W., & Struyven, K. 2020. A teachers' professional development programme to implement differentiated instruction in secondary education: how far do teachers reach? *Cogent Education*, 7(1).
- Sousa, D. A., & Tomlinson, C. A. 2011. *Differentiation and The Brain; How Neuroscience Supports the Learner-Friendly Classroom*. Solution Tree Press.
- Suleyman, C. 2019. Can differentiated instruction create an inclusive classroom with diverse learners in an elementary school setting? *Journal of Education and Practice*, 10(6): 31-40.

- Tomlinson, C. A. 2001. *How to Differentiate Instruction in Mixed-Ability Classroom 2nd Edition*. Association for Supervision and Curriculum Development.
- Tomlinson, C.A. & Imbeau. M. B. 2010. *Leading and Managing a Differentiated Classroom*. Association for Supervision and Curriculum Development.
- Tomlinson, C. A. 2014. *The Differentiated Classroom: Responding to the Needs of All Learners (2nd Edition)*. Pearson.
- Wilma Akam & Faridah Mydin Kuty. 2018. kesan pembelajaran terbeza terhadap motivasi dan pencapaian murid dalam topik daya dalam subjek sains sekolah rendah. *E-Prosiding Kolokium Pendidikan Sains dan Psikologi*, 553-560.
- Yunaini, N., Mustadi, A., Mumpuniarti, Ishartiwi, & Hidayat, R. (2024). Differentiated instruction science learning for intellectually disabilities pupils at an inclusive primary school: A case study. *Journal of Turkish Science Education*, 21(3): 467–483. <https://doi.org/10.36681/tused.2024.025>
- Zamri Mahamod, Ruslin Amir & Mohamed Amin Embi. 2018. *Kepelbagaian Pelajar dan Perbezaan Pembelajaran*. Dewan Bahasa dan Pustaka.